



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)

Faks : 082-424489

E-mel : pmswk@treasury.gov.my

Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : PKP(8.00)96/3-7JD.3(63)

Tarikh : 18 Februari 2015
28 Rabiulakhir 1436H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak.

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN/EDARAN SYARIKAT YANG BERDAFTAR SEBAGAI
AGEN PENGEMBARAAN DALAM PERKHIDMATAN TEMPAHAN TIKET
KAPAL TERBANG (KOD BIDANG 221307 : AGEN PENGEMBARAAN)**

TUJUAN

Surat makluman/edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan di negeri Sarawak agar perolehan/pembelian tiket kapal terbang hendaklah dibuat daripada Ajen Pengembaraan yang **berdaftar dan berstatus Bumiputera dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai pejabat operasi di Sarawak.**

LATAR BELAKANG

2. Untuk makluman Y.Bhg Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan, setiap tahun PMS akan mengeluarkan kemaskini senarai Ajen Pengembaraan yang berdaftar Bumiputera dengan Kementerian Kewangan/PMS sebagai rujukan Jabatan/Agensi dalam **kod bidang 221307: Ajen Pengembaraan**. Selaras dengan usaha Kementerian Kewangan agar semua transaksi dilaksanakan secara online, termasuk dalam urusan penempahan tiket kapal terbang, **PMS tidak akan mengeluarkan lagi surat makluman senarai Ajen Pengembaraan seperti sebelum ini.**

**SURAT MAKLUMAN/EDARAN SYARIKAT YANG BERDAFTAR SEBAGAI
AGEN PENGEMBARAAN DALAM PERKHIDMATAN TEMPAHAN TIKET
KAPAL TERBANG (KOD BIDANG 221307 : AGEN PENGEMBARAAN)**

3. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk melaksanakan perolehan tiket kapal terbang daripada agen pengembaraan **BERDAFTAR DAN BERSTATUS BUMIPUTERA** serta mempunyai pejabat operasi beralamat di Sarawak berdasarkan tatacara perolehan serta peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa.

SURAT PEKELILING YANG BERKAITAN

4. Surat makluman/edaran ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Am bil.3/2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertarikh 7 Mei 2013. Pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk 1 Pekeliling Perbendaharaan – WP 2.5/2013 Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi Para 4.2.1 Penggunaan Agensi Pengembaraan/Pelancongan sebelum melaksanakan sebarang perolehan tiket kapal terbang.

TARIKH KUATKUASA

5. Surat makluman ini berkuatkuasa dari tarikh surat makluman/edaran ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. : Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Sarawak
Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang
Jalan Simpang Tiga
93594 Kuching